

# Dr M tertarik dengan cara Seoul atasi pengangguran

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad tertarik dengan perkembangan ekonomi Korea yang begitu pesat dan usaha negara itu mengatasi masalah pengangguran.

Beliau banyak bertanya mengenai perkara itu selepas diberi taklimat oleh Timbalan Perdana Menteri Korea, Encik Suh Suk-Joon yang juga Menteri Perancangan Ekonomi (EPB) semalam.

Perdana Menteri ingin

tahu peluang-peluang pelabur asing di negara itu dan usaha Korea menamakan semangat rajin bekerja di kalangan rakyatnya.

Encik Suh pula memberitahu Datuk Seri Dr Mahathir bahawa kadar pengangguran tahun lalu ialah 4.4 peratus dan akan turun kepada empat peratus menjelang 1986.

Beliau menerangkan rancangan pembangunan ekonomi dan sosial untuk lima tahun (1982-86). Strategi rancangan ini

sama seperti rancangan lima tahun di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri Korea itu berkata, matlamat rancangan lima tahun negaranya ialah untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dengan memberi keutamaan kepada usaha-usaha menstabilkan harga barangan dan mengurangkan kadar inflasi.

Menurutnya, usaha mencekapkan pentadbiran dan menggalakkan rakyat supaya rajin bekerja adalah matlamat utama ke arah me-

ningkatkan perkembangan ekonomi Korea.

Sebagai sebuah negara yang ingin terus kekal maju, Korea harus mengubah cara pengurusan ekonominya dengan menggalakkan penyertaan sektor swasta untuk turut membangunkan negara, jelasnya.

Harapan Korea, tambah beliau, ialah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara hingga menjadi tujuh dan lapan peratus setahun.

Turut hadir di majlis taklimat itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi; Pengerusi Mida, Tan Sri Ishak Pateh Akhir; Pengerusi Perbadanan Industri Berat Malaysia (Hiocom), Tan Sri Jamil Jan; Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia, Dr Nawawi Mat Awin dan Pengerusi Perbadanan Perilombongan Malaysia (MMC), Encik Desa Pache.

Rombongan usahawan dari Malaysia juga hadir.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri	5861
No. Penerimaan	178 / 86